

KHUTBAH JUMAAT

“KEWAJIPAN MENGUNDI UNTUK MEMILIH KEPIIMPINAN NEGERI”

(17 Disember 2021M/ 12 Jamadilawal 1443H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالْتَّقْوَىٰ وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهَ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Pada 18 Disember 2021 ini diwajibkan kepada kita untuk keluar mengundi memilih pemimpin yang akan menentukan masa depan negeri kita untuk tempoh lima tahun mendatang. Justeru, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk : ‘**Kewajipan Mengundi Untuk Memilih Kepimpinan Negeri**’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam Islam, menentukan dan memilih pemimpin adalah suatu

perkara yang sangat penting dan wajib. Mengapa kita diwajibkan memilih pemimpin?

Pertama: Memilih pemimpin adalah satu tuntutan dalam agama. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((إِذَا كَانَ ثَلَاثَةُ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤْمِنُوا أَحَدَهُمْ))

Maksudnya: Apabila tiga orang berada dalam keadaan musafir, maka hendaklah dilantik seorang ketua.

(*Hadith riwayat Imam Abu Daud*)

Hadith tadi menjelaskan bahawa pentingnya melantik pemimpin, walaupun dalam jumlah yang hanya tiga orang. Ini bagi memastikan wujud keselarasan tindakan dalam kehidupan kaum Muslimin. Apatah lagi dalam sebuah negeri yang ramai penduduknya. Tentulah ia lebih penting lagi untuk dilaksanakan.

Pemilihan pemimpin merupakan satu bentuk penyaksian yang perlu dipenuhi dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah *subhanahu wata'ala* di hari akhirat nanti. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 282:

... وَلَا يَأْبَ أَلْشَكَدَاءُ إِذَا مَادُعُواً ...

Maksudnya: ... dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi ...

Berdasarkan hadith dan ayat tadi jelas kepada kita bahawa memilih pemimpin adalah satu tanggungjawab, apatah lagi apabila ramai yang menawarkan diri untuk menjadi pemimpin. Oleh itu kita bertanggungjawab untuk memilih pemimpin terbaik yang akan membawa kebaikan kepada agama, masyarakat, negeri dan umat Islam seluruhnya.

Kedua: Kita diwajibkan memilih pemimpin untuk mencari pemimpin yang terbaik. Al-Quran mengajar kita beberapa ciri pemimpin terbaik yang mampu mendirikan agama dan mentadbir dunia dengan agama. Antara ciri pemimpin terbaik adalah orang yang berilmu pengetahuan yang luas, berkemampuan tubuh badan dan fizikalnya serta berintegriti yang tinggi. Sifat-sifat ini dapat dilihat pada peribadi Nabi Musa *alaihis salam*, Nabi Yusuf *alaihis salam* dan panglima Talut ketika mereka mula diberikan tanggungjawab. Firman Allah *subhanahu wata'ala* tentang nabi Musa *alaihis salam* dalam surah al-Qasas, ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَانُهُمَا يَأْبَتِ أَسْتَعْجِرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ أَسْتَعْجَرَتِ الْقَوْىُ الْأَمِينُ ^ص

Maksudnya: Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambilah dia (Musa) menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.

Firman-Nya lagi tentang pemilihan Talut sebagai pemimpin yang berupaya dan berilmu dalam surah al-Baqarah, ayat 247:

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ... قَالَ إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَنِهِ عَلَيْكُمْ وَرَأَدَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ ...

Maksudnya: Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan.

Manakala tentang kepimpinan Nabi Yusuf *alaihis salam* pula, Allah berfirman dalam surah Yusuf, ayat 55:

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَىٰ خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِظُ عَلِيمٌ

Maksudnya: Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sungguh pun negeri kita memberi kebebasan dalam memilih pemimpin, namun kita diwajibkan memilih bakal pemimpin yang berilmu, berintegriti dan mampu membawa kesejahteraan kepada agama, bangsa dan negeri. Ibnu Abbas Radhiyallahu Anhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

((Sesiapa yang melantik seseorang dari satu golongan, sedangkan dalam golongan itu ada calon yang lebih disukai Allah darinya,

maka dia telah mengkhianati Allah, rasul-Nya dan semua orang yang beriman.))

(Hadith riwayat al-Hakim)

Hadis ini selaras dengan larangan keras Allah *subhanahu wata'ala* supaya orang yang beriman tidak sekali-kali mengkhianati Allah dan Rasul-Nya melalui firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 27:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui (salahnya).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:

Pertama : Umat Islam hendaklah beriman dan yakin bahawa pada hari akhirat kelak Allah *subhanahu wata'ala* akan mempersoalkan semua amalan dan tindakan kita, termasuklah tanggungjawab memilih pemimpin.

Kedua : Memilih pemimpin termasuklah dengan cara mengundi adalah suatu perkara yang sangat penting dan menjadi kewajipan bagi umat Islam.

Ketiga : Umat Islam hendaklah memilih pemimpin yang berintegriti, berilmu dan berkemampuan memikul tanggungjawab yang mampu membawa kesejahteraan kepada negeri supaya selamat dari berbagai kerosakan dan bala bencana dalam kehidupan ini.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Maidah, ayat 57:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَخِذُوا الَّذِينَ أَخْتَذُوا دِينَكُمْ هُزُوا وَلَعِبًا مِنَ الَّذِينَ
أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَالْكُفَّارُ أُولَئِكَ وَأَتَقُوا اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejek-ejekan dan permainan - dari orang yang telah diberikan Kitab sebelum kamu, dan orang kafir musyrik itu: menjadi penolong-penolong; dan bertaqwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar orang yang beriman.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum menerima vaksin, dianjurkan agar segera mendapatkannya sebagai ikhtiar untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini dalam masyarakat. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةٌ عَلَيْهِ

وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memeranginya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَّهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَإِذَا كُرِّبَ اللَّهُ
الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَإِشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.